

09 AUG 2001

Hishammuddin-Tusyen

PEMUDA UMNO ADAKAN PROGRAM TUSYEN

KUALA LUMPUR, 9 Ogos (Bernama) -- Pergerakan Pemuda Umno akan memperkenalkan program tusyen intensif di setiap Bahagian Umno bagi membantu meningkatkan pencapaian akademik pelajar Melayu di peringkat sekolah rendah dan menengah.

Ketuanya Datuk Hishammuddin Tun Hussein berkata program Tusyen Emas itu membabitkan pengajaran mata pelajaran Bahasa Inggeris, Matematik dan Sains yang akan dikendalikan oleh Biro Pendidikan pergerakan itu.

"Yang paling penting sekarang ialah bagaimana kita hendak meningkatkan pencapaian akademik anak-anak muda (Melayu) kita," katanya kepada pemberita selepas program gotong royong Pemuda bersama rakyat di Flat PPRT Desa Tun Razak, Cheras, di sini.

Beliau berkata program Tusyen Emas itu bertujuan membantu pelajar Melayu meningkatkan pencapaian akademik mereka seterusnya membolehkan sekurang-kurangnya 50 peratus daripada mereka memasuki institusi pengajian tinggi awam dengan pencapaian akademik yang tinggi dan bukan melalui kuota.

Pada masa ini, katanya program tusyen di peringkat pusat diadakan di Taman Danau Kota, Setapak manakala beberapa bahagian di Johor, Kedah dan Pahang baru mengadakannya.

"Tempat-tempat lain akan menyusul kemudian," katanya.

Mengenai taklimat Presiden Umno Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad tentang sistem meritokrasi kepada para pemimpin Umno Bahagian semalam, Hishammuddin berkata Pemuda berpuas hati dengan penjelasan presiden.

Pemuda Umno juga menyambut baik cadangan kerajaan melaksanakannya secara berhati-hati berdasarkan sistem merit dan bukannya meritokrasi mutlak.

"Pada peringkat awal, kita amat bimbang isu (meritokrasi) ini akan menjejaskan pendirian kita tentang kuota tetapi penjelasan panjang lebar presiden semalam bahawa kenyataannya dizahirkan atas satu kesedaran yang teramat sedih terhadap pencapaian akademik pelajar Bumiputera, satu kejutan terpaksa dilakukan," katanya.

Mengenai masalah sosial dan keruntuhan moral di kalangan remaja Melayu, beliau berkata Dr Mahathir turut menyentuh perkara itu dalam taklimatnya.

Hishammuddin, yang juga Menteri Belia dan Sukan, berkata kementerian telah memikirkan beberapa langkah seperti mengadakan program khidmat sosial bagi membantu kerajaan menangani masalah sosial dan keruntuhan moral itu.

--BERNAMA

HS NZ NAK